

**BAB 5 : PETADBIRAN BARAT DI SARAWAK DAN SABAH**

<b>SOALAN ESEI - TINGKATAN 3</b>			
<b>TEMA :</b> Kedatangan Kuasa Asing	<b>TAJUK :</b> Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	<b>SK : 7.5</b> Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah	<b>SP:</b> 7.5.2

1. (a) Jelaskan latar belakang kehadiran James Brooke di Sarawak. (6 Markah)
- (b) Terangkan strategi James Brooke meluaskan kuasa di Sarawak. (6 Markah)
- (c) Jelaskan cara untuk mengelakkan pertapakan kuasa asing di negara kita. (8 markah)

<b>SOALAN ESEI - TINGKATAN 3</b>			
<b>TEMA :</b> Kedatangan Kuasa Asing	<b>TAJUK :</b> Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	<b>SK : 7.5</b> Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah	<b>SP:</b> 7.5.3

2. Kedudukan Sabah yang strategic dan potensi ekonominya menjadi factor yang menarik kemasukan pemodal asing termasuklah SBUB. ( *m/s 123* )
  - (a) Jelaskan tentang kedudukan Sabah yang strategik sehingga menarik kuasa asing. (6 Markah)
  - (b) Terangkan kesan pemberian Piagam Diraja kepada SBUB terhadap Sabah. (6 Markah)
  - (c) Pelbagai iktibar yang boleh diambil daripada pentadbiran SBUB di Sabah. Bagaimanakah kita sebagai rakyat Malaysia boleh memanfaatkan sumber kekayaan yang ada di negara kita ? (8 Markah)

<b>SOALAN ESEI - TINGKATAN 3</b>			
<b>TEMA :</b> Kedatangan Kuasa Asing	<b>TAJUK :</b> Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	<b>SK : 7.5</b> Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah	<b>SP:</b> 7.5.3

3. Perluasan kuasa asing di Sabah bermula dari tahun 1865 dan pihak British mula menguasai Sabah menerusi Syarikat Berpiagam Borneo Utara ( SBUB ) pada tahun 1881 dan seterusnya mengukuhkan kekuasaan pada tahun 1888 apabila Sabah menjadi negeri naungan British. ( *m/s 122* )
  - (a) Jelaskan faktor yang mendorong British untuk menguasai Sabah. (6 Markah)
  - (b) Salah satu bentuk pentadbiran yang dijalankan oleh SBUB di Sabah demi mengekalkan kuasa politik mereka ialah dengan mengekalkan pembesar tempatan dalam pentadbiran. Jelaskan pernyataan tersebut. (6 Markah)
  - (c) Pada pendapat anda, apakah kemungkinan yang akan berlaku pada hari ini jika Sabah tidak dikuasai oleh SBUB. (8 Markah)

**PANDUAN PENSKORAN –  
BAB 5 : PETADBIRAN BARAT DI SARAWAK DAN SABAH**

NO. SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
1 (a)	<p><b>Jelaskan latar belakang kehadiran James Brooke di Sarawak.</b></p> <p>F1 Pada peringkat awal, menjalankan aktiviti pengembaraan di antara Sarawak dan Singapura dengan Kapalnya Royalist.                      F2 Mendapat sokongan pihak British melalui angkatan tentera laut.                      F3 Menerima pelawaan Pengiran Raja Muda Hashim.                      H3a untuk menyelesaikan masalah di Sarawak.                      F4 Mengenakan syarat, iaitu Pengiran Raja Muda Hashim perlu menyerahkan Sarawak kepada beliau.                      F5 Membantu menyelesaikan masalah pemberontakan Dayak yang sedang berlaku                      F6 Sebagai ganjaran James Brooke telah diberikan gelaran Raja Sarawak oleh Raja Muda Hashim.                      H6a telah disahkan dan diperkenankan oleh Sultan Brunei.</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 6 X 1 m)</i></p>	<b>(6 markah)</b>
1 (b)	<p><b>Terangkan strategi James Brooke meluaskan kuasa di Sarawak.</b></p> <p>F1 Rundingan                      H1a berunding dengan Pengiran Raja Muda Hashim apabila diminta untuk menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku di Sarawak.                      H1b Pengiran Raja Muda Hashim menawarkan Sarawak kepada James Brooke.</p> <p>F2 Ugutan                      H2a Pengiran Raja Muda Hashim berdolak-dalik untuk menyerahkan Sarawak dalam rundingan sebelumnya. James Brooke mengugut untuk Pengiran Raja Muda Hashim dengan bersedia menyerang kedudukan Pengiran Raja Muda Hashim di Kuching.                      H2b Ugutan kedua secara tidak lansung terhadap Sultan Omar Ali iaitu pemerintah Brunei apabila James Brooke hadir ke Brunei diiringi angkatan tentera laut British untuk mengesahkan penyerahan Sarawak. Kehadiran itu menyebabkan Sultan bersetuju dan mengesahkan penyerahan Sarawak kepada James Brooke.</p> <p>F3 Perjanjian                      H3a Dua perjanjian terpenting yang berlaku pada 1841 dan 1842                      H3b Perjanjian 1841 diantara James Brooke dengan Pengiran Raja Muda Hashim,                      H3c James Brooke memerintah Sarawak dan menguasai hasilnya. James Brooke harus menghormati dan memelihara undang-undang dan adat Melayu.                      H3d Perjanjian 1842 diantara James Brooke dengan Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin.                      H3e Sultan Brunei menyerahkan Sarawak dari kawasan Tanjung Datu ke Sungai Samarahan.                      H3f Semua hasil pendapatan kawasan ini diserahkan kepada James Brooke.                      H3g James Brooke hendaklah memberi ufti tahunan sebanyak 2,500</p>	

	<p>Dolar Sepanyol kepada Sultan Brunei.  H3h Tidak boleh campur tangan dalam hal adat dan agama penduduk tempatan.  H3i Tidak boleh dipindah milik tanpa kebenaran Sultan Brunei.  H3j Sultan Brunei mengiktiraf James Brooke sebagai Raja Putih Sarawak.</p> <p>F4 Ketenteraan  H4a Bantuan ketenteraan melalui sokongan kapal HMS Dido yang dimiliki oleh angkatan tentera laut British.  H4b Kapal ini digunakan untuk memerangi ancaman lanun yang mengganggu perdagangan dan ketenteraman Sarawak.</p> <p style="text-align: right;"><b><i>(Mana-mana 6 X 1 m)</i></b></p>	<b><i>(6 markah)</i></b>
<b>1 (c )</b>	<p><b>Jelaskan cara untuk mengelakkan pertapakan kuasa asing di Negara kita.</b></p> <p>F1 Tidak mempercayai kata-kata atau janji kuasa luar sepenuhnya.  F2 Mengukuhkan segala perbincangan dan perjanjian secara hitam putih  F3 Mengadakan mesyuarat dengan pembesar-pembesar lain bagi bertukar idea dan pendapat untuk kebaikan Negara  F4 Memastikan hal-hal yang boleh memusnahkan kemuafakatan tidak berlaku seperti perebutan takhta dalam negeri  F5 Menyediakan suatu sistem pemerintahan yang efisien dan boleh diguna pakai dalam semua keadaan  F6 Memupuk keadaan aman dan harmoni dalam kalangan rakyat tanpa sebarang rasa ketidakpuasan hati  F7 Mengenal pasti masalah yang timbul dan bersedia untuk membuat perubahan bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat.  F8 Mengelakkan diri daripada menerima habuan atau janji-janji manis bangsa asing yang berniat buruk untuk merosakkan keamanan serta mengancam kedaulatan Negara.</p> <p style="text-align: right;"><b><i>(Mana –mana jawapan munasabah)</i></b></p>	<b><i>(8 markah)</i></b>

NO. SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
2(a)	<p><b>Jelaskan tentang kedudukan Sabah yang strategik sehingga menarik kuasa asing.</b></p> <p>F1 Sabah berada di tengah-tengah laluan perdagangan H1a antara China dan Singapura F2 Sabah berhampiran Pulau Palawan H2a laluan kapal dagang ke China dan Jepun F3 Sabah penting dalam aktiviti perdagangan H3a melibatkan kepulauan Sulu hingga New Guinea dan Australia F4 Pelabuhan sepanjang pantai barat dan pantai timur Sabah adalah strategik F5 kapal boleh berlabuh dengan selamat daripada tiupan angin monsoon F6 Antara pelabuhan utama , Teluk Gaya</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 6 X 1 m)</i></p>	<b>(6 markah)</b>
2(b)	<p><b>Terangkan kesan pemberian Piagam Diraja kepada SBUB terhadap Sabah.</b></p> <p>F1 Piagam Diraja memberi kuasa kepada SBUB memiliki Sabah F2 Perluasan kuasa British ke atas Sabah F3 Diberikan oleh kerajaan British H3aSBUB menerima penasihat British H3b mengiktiraf kedudukan SBUB sebagai wakil kerajaan British H3c SBUB mesti melantik Pegawai Tadbir yang diakui oleh pihak British F4 SBUB boleh membangunkan ekonomi Sabah melalui eksploitasi sumber F5 Perlu melindungi dan mempertahankan hak masyarakat tempatan F6 SBUB mempunyai kuasa mentadbir Sabah F7 Gabenor pertama Sir William Hood Treacher F8 Sir Rutherford Alcock, presiden pertama F9 Alfred Dent, pengarah urusan SBUB F10 Pemodal di London mempunyai kuasa ke atas syarikat F11 Sistem birokrasi dibentuk memastikan syarikat mengaut keuntungan</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 6 X 1 m)</i></p>	<b>(6 markah)</b>
2(c)	<p><b>Bagaimanakah kita sebagai rakyat Malaysia boleh memanfaatkan sumber kekayaan yang ada di negara kita ?</b></p> <p>F1 Malaysia kaya dengan sumber alam H1a sumber hutan, mineral, sumber laut H1b bijih timah/emas/perak/petroleum//kayu kayan/sarang burung/ sagu/ rotan/getah perca/ gamat/mutiara /sirip ikan yu/ kapas/indigo F2 Sifat Kreatif menghasilkan kraf tangan yang indah dan menarik F3 Mempunyai kemahiran tinggi menghasilkan barangan bermutu tinggi F4 mempelajari teknologi moden bagi mendapatkan sumber F5 Sentiasa bijaksana memanfaatkan sumber yang ada F6 Berani mengambil tindakan menceburi bidang baru F7 mempunyai semangat meneroka untuk mencari sumber baru F8 menambahkan ilmu pengetahuan agar dapat bersaing dengan Negara lain F9 Meningkatkan kecekapan agar dapat menambahkan produktiviti</p> <p style="text-align: right;"><i>( mana-mana jawapan yang munasabah )</i></p>	<b>(8 markah)</b>

NO. SOALAN	JAWAPAN	MARKAH
3(a)	<p><b>Jelaskan faktor yang mendorong British untuk menguasai Sabah.</b></p> <p>F1 Sabah berada di tengah-tengah laluan perdagangan antara China dan Singapura                      F2 Sabah berhampiran Pulau Palawan merupakan laluan kapal dagang ke China dan Jepun                      F3 Sabah penting dalam aktiviti perdagangan melibatkan kepulauan Sulu hingga New Guinea dan Australia                      F4 Pelabuhan sepanjang pantai barat dan pantai timur Sabah adalah strategik                      F5 kapal boleh berlabuh dengan selamat daripada tiupan angin monsoon                      F6 Antara pelabuhan utama , Teluk Gaya                      F7 kekayaan hasil ekonomi                      F8 seperti sarang burung, sagu, rotan, getah perca, gamat dan sirip ikan yu.</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 6 X 1 m)</i></p>	<b>(6 markah)</b>
3(b)	<p><b>Salah satu bentuk pentadbiran yang dijalankan oleh SBUB di Sabah demi mengekalkan kuasa politik mereka ialah dengan mengekalkan pembesar tempatan dalam pentadbiran. Jelaskan pernyataan tersebut.</b></p> <p>F1 SBUB perlu memenuhi syarat piagam diraja                      F2 menghormati dan mempertahankan masyarakat peribumi                      F3 bagi menjamin pentadbiran yang baik, SBUB membahagikan ketua peribumi kepada kategori ketua yang diakui dan tidak diakui                      F4 ketua anak negeri diserapkan ke dalam sistem pentadbiran dan dibayar gaji                      F5 institusi peribumi utama ialah institusi ketua anak negeri, ketua kampung dan mahkamah anak negeri                      F6 ketua anak negeri bergaji akan memelihara keamanan, peraturan serta mengutip cukai kepala                      F7 Ketua Anak Negeri juga digelar O.K.K membantu Pegawai Daerah menjalankan pentadbiran daerah                      F8 Ketua Anak Negeri dilantik sebagai hakim Mahkamah Anak Negeri/ mengurus cukai / pembantu majistret</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 6 X 1 m)</i></p>	<b>(6 markah)</b>
3(c)	<p><b>Pada pendapat anda, apakah kemungkinan yang akan berlaku pada hari ini jika Sabah tidak dikuasai oleh SBUB.</b></p> <p>F1 sistem kesukuan Sabah masih berkekalan                      F2 pentadbiran berdasarkan pegangan adat berkekalan                      F3 undang –undang tradisional kekal                      F4 hasil Negara tidak dibawa keluar                      F5 Sabah akan menjadi lebih makmur                      F6 keamanan dan kedaulatan negeri terjamin                      F7 perpaduan rakyat berkekalan                      F8 Sabah akan menjadi antara negeri termaju di Malaysia</p> <p style="text-align: right;"><i>( mana-mana jawapan yang munasabah )</i></p>	<b>(8 markah)</b>